

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SABAH  
Aras 1-3, Blok C  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS, Beg Berkunci 2046  
88999 Kota Kinabalu  
SABAH

## PROGRAM LAWATAN KERJA BANCI PERTANIAN 2024 OLEH PESURUHJAYA BANCI DI DAERAH SANDAKAN, TONGOD, TELUPID, BELURAN DAN KINABATANGAN, SABAH

---

### LEBIH 100 PERATUS SASARAN TEMPAT KEDIAMAN DI SABAH TELAH DILAWATI DALAM BANCI PERTANIAN 2024

**SANDAKAN, 7 OKTOBER 2024** – Banci Pertanian 2024 yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sejak 7 Julai 2024 kini hampir berada di penghujung, memasuki hari ke-93 dengan hanya berbaki tiga hari lagi operasi di lapangan. Tempoh fasa akhir ini adalah kritikal bagi memastikan pengumpulan maklumat pengusaha pertanian yang melibatkan empat subsektor utama iaitu Tanaman, Ternakan, Perikanan & Akuakultur serta Perhutanan & Pembalakan dapat diliputi sepenuhnya.

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri, terutamanya mengurangkan defisit perdagangan dan meningkatkan taraf sosioekonomi kawasan luar bandar. Di samping itu, sektor ini juga memastikan keterjaminan makanan dan penambahbaikan tahap sara diri, seterusnya mengurangkan pergantungan negara kepada import pertanian. Pada tahun 2023, sektor pertanian di Sabah merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sabah sebanyak 15.2 peratus. Subsektor tanaman terus mendominasi sektor pertanian di Sabah dengan sumbangan sebanyak 76.0 peratus, diikuti oleh subsektor perikanan (14.7%),

ternakan (6.0%) serta perhutanan dan pembalakan (3.3%). Pada masa yang sama, bilangan pekerja yang terlibat dalam sektor pertanian di Sabah adalah seramai 410,100 orang.

Sehingga 6 Oktober 2024, operasi Banci Pertanian di Sabah telah mencapai kemajuan yang signifikan, dengan 105.7 peratus daripada 251,556 tempat kediaman dan 91.4 peratus daripada 2,316 pertubuhan yang berpotensi melaksanakan aktiviti pertanian telah dilawati. Hasil daripada lawatan tersebut, sebanyak 247,743 tempat kediaman pertanian (98.5%) dan 890 pertubuhan pertanian (38.4%) telah selesai dibanci. Daerah Kinabatangan muncul sebagai daerah dengan pencapaian operasi tertinggi, mencatatkan 158.2 peratus diikuti oleh Lahad Datu (139.8%), Pitas (126.9%), Putatan (126.4%) dan Kudat (124.1%). Statistik ini mencerminkan kerjasama dan dedikasi luar biasa yang ditunjukkan oleh pembanci serta pihak berkepentingan dalam memastikan kejayaan Banci Pertanian 2024.

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan kukuh dan kerjasama erat dari semua pihak. Hasil Banci Pertanian 2024 akan menjadi penanda aras penting bagi merangka hala tuju pertanian negara di masa hadapan." semasa Sesi Libat Urus Pelaksanaan Banci Pertanian 2024 bersama Agensi Pertanian Daerah Sandakan di Pejabat RISDA Sandakan.

Sempena Program Lawatan Kerja Pesuruhjaya Banci Pertanian di Sabah pada 5 hingga 7 Oktober 2024, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut melawat beberapa kawasan operasi banci di Sandakan, Tongod, Telupid, Beluran dan Kinabatangan. Antara kawasan yang telah dilawati termasuk Kg. Jawa 1, yang terlibat dalam aktiviti penternakan itik penelur, Kg. Sg. Luboh yang memfokuskan kepada penanaman kayu gaharu, dan getah, Kg. Tinopikon di Tongod yang mengusahakan penternakan burung walit, kambing dan ayam pedaging dan Kg. Liningkung di Telupid bagi penternakan ikan air tawar. Lawatan turut meliputi Kg. Air dan Kg. Bukit Besi di Beluran bagi aktiviti perhutanan dan perikanan udang galah, dan Kg. Sinar Jaya di Kinabatangan bagi penanaman sacha inchi.

Turut hadir dalam program lawatan ini ialah Puan Fuziah binti Amin, Pengerusi Jawatankuasa PIO Banci Pertanian 2024; Encik Muhammad Amri bin Idris, Timbalan

Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024 Sabah; Encik Imran bin Titing, Ketua Pejabat Operasi DOSM Sandakan; dan wakil-wakil daripada agensi terlibat seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah, Lembaga Pembangunan Tanah Sabah dan Jabatan Perikanan Sabah.

Hasil daripada Banci Pertanian ini akan menyediakan statistik penting dan bermanfaat, khususnya kepada kerajaan Negeri Sabah dalam merangka dasar yang lebih tepat bagi hala tuju sektor pertanian negeri pada masa hadapan. Selain itu, Banci Pertanian 2024 juga bertujuan mencapai hasil utama dengan membangunkan Pangkalan Data Statistik Pertanian Bersepadu, yang akan memuatkan maklumat lengkap mengenai rantai pertanian dari hulu hingga hilir yang akan dikemaskini secara berkala. Pangkalan data ini dijangka menjadi salah satu sumber utama bagi kerajaan dan agensi pertanian untuk merangka dasar yang lebih tepat dan berkesan bagi masa depan sektor pertanian negara.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyeru agar semua pengusaha pertanian memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menyediakan maklumat yang tepat dan menyeluruh. "Kejayaan Banci Pertanian 2024 bergantung kepada usaha bersama kita semua. Maklumat yang tepat merupakan asas kepada perancangan yang berkesan dan statistik yang lengkap dan juga terkini akan membantu kerajaan dalam merangka dasar yang lebih efektif serta memastikan pengusaha pertanian menerima manfaat yang sewajarnya. Oleh itu, semua pihak yang terlibat di seluruh negara diseru memberikan kerjasama sepenuhnya dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 yang bakal berakhir dalam beberapa hari lagi." Katanya demikian selepas memantau operasi banci di Kg. Pulau Tg. Batu, Sandakan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI SABAH**  
**7 OKTOBER 2024**